

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan kekosongan pekerja di sektor pertanian dan perladangan di negara kita. Apakah kerajaan akan membenarkan kemasukan pekerja asing ke sektor perladangan memandangkan ramai pekerja Malaysia tidak berminat untuk bekerja di sektor perladangan dan pertanian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Berdasarkan statistik permohonan pekerja asing dalam Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) di Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), sehingga Mac 2020, terdapat sebanyak 22,095 kekosongan jawatan dalam sektor perladangan dan 15,622 kekosongan dalam sektor pertanian.

2. Dasar semasa kerajaan adalah mengutamakan pengambilan pekerja warganegara terlebih dahulu berbanding pekerja asing di semua sektor ekonomi. Kerajaan juga telah mengumumkan pembekuan pengambilan pekerja asing baharu sehingga 31 Disember 2020. Pembekuan ini adalah bagi mengekang pandemik COVID-19 yang melanda dunia terutamanya negara-negara sumber.

3. Dalam usaha meningkatkan penyertaan pekerja tempatan dalam sektor perladangan dan pertanian, pelbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk menarik minat pekerja tempatan menggantikan pekerja asing dalam sektor perladangan dan pertanian, di antaranya ialah:

- i. Menetapkan kadar gaji minimum bagi menarik minat lebih ramai pencari kerja pekerja tempatan. Pada ketika ini, Kerajaan telah melaksanakan kadar gaji minimum RM1,200 sebulan bagi pekerja di wilayah bandar-bandar utama manakala RM1,100 sebulan bagi pekerja di luar wilayah bandar-bandar utama;
- ii. menggalakkan sektor-sektor berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi;
- iii. meningkatkan penyertaan Orang Kurang Upaya (OKU), pesara, bekas banduan, bekas penagih dadah dan gelandangan ke dalam pasaran pekerjaan;

- iv. memperkenalkan peraturan-peraturan kerja separa masa bagi menggalak dan mempertingkat penyertaan tenaga kerja tempatan khususnya suri rumah dan sebagainya; dan
  - v. kemudahan penginapan dan rumah ladang kepada pekerja-pekerja beserta kemudahan lain.
4. Selain itu, dalam tempoh pembekuan pengambilan pekerja asing ini, Kerajaan telah memanfaatkan pekerja asing sedia ada dalam negara dengan memperkenalkan inisiatif baharu dalam prose pertukaran majikan iaitu:
- i. Majikan yang menggajikan pekerja asing sedia ada boleh menyerahkan kesemua atau sebahagian pekerja asingnya jika tidak berkemampuan untuk meneruskan penggajian;
  - ii. pertukaran majikan ini boleh merentasi sektor (*cross sector*); dan
  - iii. majikan yang menyerahkan pekerja asing kepada majikan lain tidak akan disenaraihitamkan dan mereka akan dibenarkan memohon pekerja asing semula apabila keadaan ekonomi kembali pulih.
5. Walau bagaimanapun, permohonan pertukaran majikan perlu dibuat ke Kementerian Sumber Manusia (KSM) terlebih dahulu bagi mendapatkan perakuan sebelum proses temuduga dilakukan oleh Agensi Kawal Selia di *One Stop Centre* (OSC), Kementerian Dalam Negeri (KDN).
6. Kerajaan juga akan memperinci dan memperhalusi Pelan Rekalibrasi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang akan dilaksanakan di Semenanjung Malaysia kelak.

Sekian, terima kasih.